



MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR

**GARIS PANDUAN PERTUBUHAN
ISLAM BUKAN KERAJAAN DI
BAWAH MAJLIS AGAMA ISLAM
SELANGOR**

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM (NEGERI SELANGOR) 2003

SUSUNAN GARIS PANDUAN

BAHAGIAN I PERMULAAN GARIS PANDUAN

1. Pendahuluan
2. Tujuan
3. Nama dan permulaan kuat kuasa
4. Pemakaian
5. Rujukan
6. Tafsiran

BAHAGIAN II PENYERTAAN PERTUBUHAN ISLAM BUKAN KERAJAAN

7. Syarat-Syarat Penyertaan
8. Tatacara Permohonan Penyertaan
9. Perakuan Penyertaan
10. Pemakluman Pindaan Dasar atau Perlembagaan

BAHAGIAN III PENGURUSAN PERTUBUHAN ISLAM BUKAN KERAJAAN

11. Peranan Dan Tanggungjawab
12. Pembahagian Kluster
13. Rujukan Kepada Penyelaras Kluster
14. Perancangan Tahunan Program
15. Laporan Keberkesanan Program dan Laporan Kewangan

BAHAGIAN IV PENILAIAN KEBERKESANAN PROGRAM

16. Penilaian Pelaksanaan Program
17. Pemantauan Pertubuhan Islam Bukan Kerajaan

BAHAGIAN V
PEMBATALAN, PENGGANTUNGAN DAN PENARIKAN BALIK PENYERTAAN PERTUBUHAN
ISLAM BUKAN KERAJAAN

18. Pembatalan Penyertaan
19. Penarikan Balik Penyertaan
20. Kesan Pembatalan, Penggantungan Dan Penarikan Balik Penyertaan

BAHAGIAN VI
PELBAGAI

21. Rekod Pertubuhan Islam Bukan Kerajaan
22. Pengecualian
23. Kemandirian
24. Arahan Majlis
25. Pemansuhan

**GARIS PANDUAN
PERTUBUHAN ISLAM BUKAN KERAJAAN DI BAWAH MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR**

BAHAGIAN I

PERMULAAN GARIS PANDUAN

Pendahuluan

1. Garis Panduan ini merupakan dokumen rujukan mengenai setiap Pertubuhan Islam Bukan Kerajaan yang menyertai Majlis Agama Islam Selangor menggantikan Garis Panduan sedia ada yang berkuat kuasa sebelumnya.

Tujuan

2. Tujuan Garis Panduan ini diwujudkan adalah sebagai rujukan untuk menguruskan Pertubuhan Islam Bukan Kerajaan di bawah Majlis Agama Islam Selangor yang merangkumi aspek tatacara permohonan penyertaan, peranan dan tanggungjawab, pembahagian kluster, peranan penyelaras kluster, penilaian keberkesanan program, pemantauan, pembatalan, penggantungan, penarikan penyertaan dan kesannya serta kaedah pemberian ganjaran kepada Pertubuhan Islam Bukan Kerajaan sebagai tanda penghargaan dan pengiktirafan atas usaha dalam menggalakkan, mendorong, membantu dan mengusahakan kemajuan dan kesejahteraan ekonomi dan sosial masyarakat Islam selaras dengan hukum syarak di Negeri Selangor.

Nama dan Permulaan Kuat Kuasa

3. (1) Garis Panduan ini bolehlah dinamakan sebagai Garis Panduan Pertubuhan Islam Bukan Kerajaan di bawah Majlis Agama Islam Selangor dan selepas ini dirujuk sebagai Garis Panduan.

(2) Garis panduan ini telah diluluskan dalam Mesyuarat Majlis Agama Islam Selangor Bil. 6/2019 pada 15 Oktober 2019 dan berkuat kuasa mulai 1 Januari 2020.

Pemakaian

4. Garis Panduan ini hendaklah terpakai kepada pertubuhan yang diterima penyertaan di bawah MAIS.

Rujukan

5. Garis Panduan ini diwujudkan berdasarkan kuasa yang diberikan oleh perenggan 7(2)(b) dan (c) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003.

Tafsiran

6. Dalam Garis Panduan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Agensi-agensi yang melaksanakan dasar-dasar MAIS” ertinya Jabatan Agama Islam Selangor, Lembaga Zakat Selangor, Yayasan Islam Darul Ehsan atau mana-mana agensi yang berkaitan;

“Enakmen” ertinya Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003;

“Ganjaran” ertinya pemberian dalam bentuk kewangan dari peruntukan zakat semasa yang diberi kepada mana-mana Pertubuhan Islam Bukan Kerajaan setelah mematuhi Garis Panduan ini dan Jawatankuasa berpuas hati dengan pencapaian prestasi Pertubuhan Islam Bukan Kerajaan dalam membantu MAIS dan agensi-agensi yang melaksanakan dasar-dasar MAIS;

“Jais” ertinya Jabatan Agama Islam Selangor;

“Jawatankuasa” ertinya Jawatankuasa Pembangunan Pertubuhan Islam Bukan Kerajaan yang ditubuhkan di bawah seksyen 27 Enakmen;

“LZS” ertinya Lembaga Zakat Selangor

“MAIS” ertinya Majlis Agama Islam Selangor yang ditubuhkan di bawah subseksyen 4(1) Enakmen

“Majlis” ertinya Majlis Agama Islam Selangor yang ditubuhkan di bawah subseksyen 4(1) Enakmen;

“Pegawai MAIS” ertinya seorang pegawai yang dilantik secara tetap, kontrak atau sambilan;

“Pemegang-Pemegang Jawatan Utama Pertubuhan” termasuklah Yang Dipertua, Pengerusi, Presiden, Naib Yang Dipertua, Naib Pengerusi, Timbalan Pengerusi, Naib Presiden, Timbalan Presiden, Setiausaha Agung, Setiausaha Kehormat, Setiausaha, Setiausaha Kerja, Timbalan Setiausaha, Penolong Setiausaha, Bendahari, Penolong Bendahari, Ketua Pegawai Eksekutif, Pengarah Eksekutif dan Pengarah;

“Pertubuhan” ertinya persatuan, kelab atau badan, yayasan atau apa-apa nama lain yang telah berdaftar di bawah mana-mana undang-undang di Malaysia dan belum diterima penyertaannya di bawah MAIS;

“Pertubuhan Islam Bukan Kerajaan” atau akronimnya “PIBK” ertinya mana-mana pertubuhan yang telah berdaftar di bawah mana-mana undang-undang di Malaysia dan diterima penyertaannya di bawah MAIS yang pada pendapat MAIS berupaya membantu MAIS dan agensi-agensi yang melaksanakan dasar-dasar MAIS menjalankan kewajipan di bawah subseksyen 7(1) Enakmen;

“Program Pembangunan PIBK” adalah sebarang bentuk program yang dirancang dan dilaksanakan oleh MAIS atau agensi-agensi agama yang menjalankan dasar-dasar MAIS seperti yang ditetapkan oleh Jawatankuasa; dan

“YIDE” ertinya Yayasan Islam Darul Ehsan.

BAHAGIAN II

PENYERTAAN PERTUBUHAN ISLAM BUKAN KERAJAAN

Syarat-Syarat Penyertaan

7. (1) Mana-mana pertubuhan yang memenuhi syarat-syarat berikut adalah layak untuk mengemukakan permohonan penyertaan PIBK di bawah MAIS:

(a) Berdaftar dengan mana-mana Pendaftar yang diiktiraf atau mana-mana Badan Kerajaan yang diberi kuasa melalui undang-undang sekurang-kurangnya dua (2) tahun termasuklah pertubuhan yang berdaftar dengan—

(i) Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia; atau

(ii) Pendaftar Pertubuhan Belia; atau

(iii) Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang Jabatan Perdana Menteri sebagai Lembaga Pemegang Amanah; atau

(iv) Mana-mana pertubuhan yang melaksanakan fungsi sebagai pusat jagaan atau rumah kebajikan atau rumah perlindungan hendaklah berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat.

- (b) Mempunyai alamat berdaftar di Negeri Selangor mengikut kategori yang berikut:

Kategori	Layak Mohon
i. Pertubuhan induk di Negeri Selangor dan <u>tidak mempunyai cawangan</u> yang lain di Negeri Selangor	Tunggal
ii. Pertubuhan induk di Negeri Selangor dan <u>mempunyai lebih daripada satu cawangan</u> di Negeri Selangor	Induk sahaja
iii. Pertubuhan induk di luar Negeri Selangor dan <u>mempunyai hanya satu cawangan</u> di Negeri Selangor	Cawangan sahaja
iv. Pertubuhan induk di luar Negeri Selangor dan <u>mempunyai lebih daripada satu cawangan</u> di Negeri Selangor	Cawangan yang mendapat kebenaran dan disokong dari induk sahaja

- (c) Melaksanakan program di Negeri Selangor selaras dengan bidang-bidang keutamaan yang ditetapkan oleh Jawatankuasa.
- (d) Matlamat, objektif dan program pertubuhan itu hendaklah selari dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jama'ah dan dasar MAIS.
- (e) Pemegang Jawatan Utama Pertubuhan hendaklah warganegara Malaysia dan beragama Islam;
- (f) Pertubuhan hendaklah mempunyai ahli berdaftar sekurang-kurangnya tiga puluh (30) orang termasuk Pemegang Jawatan Utama pertubuhan;
- (g) Bukan pertubuhan bagi tujuan kebajikan kekeluargaan tertentu;
- (h) Bukan pertubuhan yang ditubuhkan di bawah Akta Pendidikan 1996 [Akta 550];
- (i) Bukan pertubuhan yang ditubuhkan bagi maksud menubuhkan sekolah Islam di bawah Enakmen Pengawalan Sekolah Islam (Negeri Selangor) 1988;

- (j) Pertubuhan tidak berorientasikan keuntungan;
- (k) Pertubuhan hendaklah membuka dan mengendalikan akaun berdasarkan perbankan Islam di mana-mana bank atas nama pertubuhan itu;
- (l) Bukan parti politik; dan
- (m) Pertubuhan tidak terlibat dengan kegiatan politik kepartian

(2) Walau apapun perenggan 7 (1) (l), pertubuhan tidak boleh menyatakan sokongan kepada mana-mana parti politik. Jika terdapat agenda mana-mana parti politik yang memberi manfaat kepada agama dan umat Islam, pertubuhan boleh menyatakan sokongan kepada agenda berkenaan tanpa menyatakan sokongan kepada parti politik yang berkaitan.

Tatacara Permohonan Penyertaan

8. (1) Tertakluk kepada perenggan 7 (Syarat-Syarat Penyertaan), mana-mana Pertubuhan boleh memohon untuk menyertai PIBK dengan mengisi borang permohonan yang ditetapkan oleh MAIS.

(2) Setiap permohonan hendaklah dikemukakan kepada Setiausaha Jawatankuasa maklumat-maklumat yang mengandungi pernyataan berhubung tujuan pertubuhan menyertai PIBK dan dokumen-dokumen berikut:

- (a) salinan ketetapan pertubuhan yang menyatakan persetujuan dan tujuan permohonan penyertaan PIBK di bawah MAIS mengikut apa-apa kaedah yang ditetapkan dalam instrumen penubuhan pertubuhan itu termasuklah minit mesyuarat, resolusi atau lain-lain ketetapan bertulis yang telah disahkan oleh ahli-ahli mesyuarat pertubuhan;
- (b) profil pertubuhan yang mengandungi perkara-perkara berikut:
 - i. Salinan sijil pendaftaran pertubuhan yang disahkan oleh agensi yang mendaftarkan pertubuhan itu;
 - ii. Nama, logo, alamat operasi dan alamat surat-menyurat pertubuhan;
 - iii. Latar belakang, matlamat, visi, misi dan objektif pertubuhan;
 - iv. Jenis kepakaran pertubuhan;
 - v. Carta organisasi pertubuhan;
 - vi. Biodata ringkas Ahli Jawatankuasa pertubuhan;
 - vii. Senarai nama dan jumlah ahli pertubuhan;
 - viii. Penyata akaun perbankan Islam pertubuhan;

- ix. Maklumat berhubung program utama dan pengkhususan program pertubuhan;
- x. Laporan program sepanjang tempoh dua tahun mengikut format yang ditetapkan dalam borang permohonan; dan
- xi. Lain-lain dokumen sokongan yang dinyatakan dalam senarai semak pada borang permohonan.

(3) Setelah menerima sesuatu permohonan, mana-mana pegawai yang ditetapkan oleh MAIS boleh membuat siasatan bagi memastikan kesahan maklumat yang diberikan dalam permohonan itu. Tiap-tiap siasatan hendaklah dijalankan secara dan setakat yang difikirkan wajar oleh MAIS.

(4) Jawatankuasa berhak untuk tidak meluluskan permohonan untuk menyertai PIBK oleh mana-mana pertubuhan yang memberikan maklumat palsu dalam permohonan atau enggan memberikan kerjasama dalam siasatan yang dimaksudkan dalam subperenggan 8(3)(Tatacara Permohonan Penyertaan).

(5) Jawatankuasa boleh meluluskan permohonan mana-mana pertubuhan untuk menyertai PIBK setelah berpuas hati bahawa pertubuhan itu telah memenuhi syarat-syarat di bawah subperenggan 8(2)(Tatacara permohonan Penyertaan) dan lain-lain ketetapan yang ditetapkan oleh Jawatankuasa.

(6) Jawatankuasa mempunyai budi bicara untuk menentukan tempoh penyertaan mana-mana pertubuhan dalam PIBK.

(7) Apa-apa keputusan Jawatankuasa berhubung dengan permohonan menyertai PIBK adalah muktamad.

Perakuan Penyertaan

9. Setiausaha Jawatankuasa hendaklah mengeluarkan satu perakuan penyertaan PIBK bagi setiap permohonan yang diluluskan oleh Jawatankuasa di bawah subperenggan 8(5)(Tatacara permohonan Penyertaan).

Pemakluman Pindaan Dasar atau Perlembagaan

10. (1) PIBK hendaklah memaklumkan secara bertulis kepada Setiausaha Jawatankuasa dalam tempoh masa 14 hari bekerja, butiran pindaan pertubuhan, keanggotaan, struktur organisasi dan alamat PIBK yang telah diluluskan oleh agensi pendaftaran dengan mengemukakan butiran pindaan terkini yang telah disahkan oleh agensi pendaftaran.

(2) Setiausaha Jawatankuasa boleh merekodkan pindaan atau mengeluarkan perakuan pindaan yang berkaitan kepada PIBK itu, jika berpuas hati dengan butiran pindaan yang dikemukakan oleh mana-mana PIBK.

BAHAGIAN III

PENGURUSAN PERTUBUHAN ISLAM BUKAN KERAJAAN

Peranan dan Tanggungjawab

11. (1) PIBK hendaklah menjalankan peranan yang berikut:

- (a) Membantu MAIS dan agensi-agensi yang melaksanakan dasar-dasar MAIS dalam menjalankan kewajipannya di bawah subseksyen 7(1) Enakmen;
- (b) Menjaga, mempertahankan dan memartabatkan kesucian agama Islam;
- (c) Mengutamakan kepentingan Islam berdasarkan Maqasid Syariah;
- (d) Membangunkan masyarakat Islam yang sejahtera berpandukan pegangan Ahli Sunnah Wal Jama'ah;
- (e) Menangani isu-isu semasa yang melibatkan isu ancaman akidah dan isu ancaman sosial umat Islam secara lebih proaktif dan bersepadu;
- (f) Membina jaringan kerjasama yang baik, saling hormat menghormati dan bantu membantu di antara satu sama lain;
- (g) Mengusahakan, memperbaiki, mengukuhkan silaturahim dan ukhuwah Islamiah dengan mengelakkan perpecahan dan perbalahan.

(2) Tanggungjawab PIBK kepada MAIS adalah seperti berikut—

- (a) Mematuhi semua undang-undang, fatwa, Garis Panduan, apa-apa arahan atau perintah MAIS dan Jawatankuasa;
- (b) Mengenali, mengetahui dan memahami fungsi Jawatankuasa, peranan MAIS dan agensi-agensi yang melaksanakan dasar-dasar MAIS;
- (c) Memberi kerjasama kepada Penyelaras Kluster yang dilantik oleh Jawatankuasa;

- (d) Melaksanakan program yang selaras dengan fokus dan bidang keutamaan yang ditetapkan oleh Jawatankuasa;
- (e) Mengutamakan pelaksanaan program yang telah diputuskan oleh Jawatankuasa;
- (f) Memberi komitmen kepada program yang dianjurkan oleh MAIS dan agensi-agensinya yang melaksanakan dasar-dasar MAIS;
- (g) Memaklumkan secara bertulis dengan kadar segera yang munasabah kepada Setiausaha Jawatankuasa sekiranya pertubuhan telah dibatalkan oleh agensi pendaftaran yang berkenaan;
- (h) Memberikan kerjasama kepada MAIS atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh MAIS bagi tujuan pelaksanaan garis panduan ini dan undang-undang yang berkuat kuasa;
- (i) Memastikan mana-mana orang yang dijemput untuk mengajar agama Islam dalam program yang dilaksanakan mempunyai tauliah daripada MAIS. Perkataan "mengajar" mempunyai erti yang sama seperti dalam Peraturan-Peraturan Tauliah (Negeri Selangor) 2008 (Pindaan) 2013;
- (j) Berdikari dan tidak mengharapkan semata-mata bantuan daripada MAIS.

(3) Setiap PIBK hendaklah tertakluk kepada program pembangunan yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa.

Pembahagian Kluster

12. (1) Jawatankuasa boleh menentukan Pembahagian Kluster PIBK mengikut fokus dan bidang keutamaan yang ditetapkan;

(2) Jawatankuasa boleh menetapkan seorang Penyelaras Kluster bagi mengawal selia PIBK di bawah klusternya;

(3) Penyelaras Kluster yang dilantik hendaklah terdiri daripada Pegawai MAIS atau Pegawai JAIS atau Pegawai LZS atau Pegawai YIDE atau mana-mana orang yang difikirkan layak dan sesuai dan tertakluk kepada apa-apa peranan yang ditetapkan oleh Jawatankuasa.

Rujukan kepada Penyelaras Kluster

13. (1) Setiap PIBK hendaklah merujuk kepada Penyelaras Kluster berhubung dengan pelaksanaan program dan penyertaannya sebagai PIBK di bawah garis panduan ini.

(2) Penyelaras Kluster berperanan membangunkan keberkesanan program PIBK dengan cara yang bersesuaian.

(3) Penyelaras Kluster hendaklah berusaha mengadakan perbincangan, berkerjasama, memantau, membuat penilaian prestasi PIBK di bawah seliaannya dan melaporkan perkembangan prestasi PIBK kepada Jawatankuasa dari semasa ke semasa.

(4) Jawatankuasa boleh, atas syor Penyelaras Kluster, menamakan mana-mana PIBK di bawah seliaan Penyelaras Kluster sebagai pemudah cara kepada pelaksanaan program dalam kluster PIBK itu.

(5) Pemudah cara yang dinamakan dalam subperenggan 13(4) hendaklah menghimpunkan PIBK dalam klusternya untuk mengambil apa-apa tindakan yang perlu dengan kadar segera yang semunasabahnya bagi menangani isu-isu semasa yang melibatkan isu ancaman akidah dan isu ancaman sosial umat Islam yang berkaitan dengan kluster PIBK itu dan kluster lain perlu turut serta memberi sokongan padu.

Perancangan Tahunan Program

14. (1) PIBK hendaklah menyediakan perancangan tahunan program mengikut format yang ditetapkan oleh Jawatankuasa.

(2) Perancangan tahunan program yang lengkap hendaklah diserahkan kepada Setiausaha Jawatankuasa atau Penyelaras Kluster atau pegawai yang ditetapkan oleh MAIS tidak lewat daripada 31 Disember setiap tahun bagi program tahun berikutnya.

(3) Perancangan tahunan program hendaklah merangkumi—

- (a) Menyenaraikan isu dan permasalahan utama umat Islam di Negeri Selangor;
- (b) Menyengarai program yang dicadangkan untuk menangani isu-isu dan permasalahan tersebut mengikut bidang-bidang keutamaan;
- (c) Menyengarai kumpulan sasaran program yang dicadangkan;

- (d) Menyenaraikan kepakaran PIBK; dan
 - (e) Menetapkan sasaran dan keberhasilan yang hendak dicapai oleh PIBK.
- (4) Program-program yang dicadangkan hendaklah memenuhi kriteria yang berikut—
- (a) Menepati bidang keutamaan yang ditetapkan oleh Jawatankuasa;
 - (b) Menepati kumpulan sasaran;
 - (c) Mempunyai tahap keberhasilan yang tinggi;
 - (d) Tidak bertentangan dengan mana-mana undang-undang, fatwa dan dasar MAIS;
 - (e) Tidak menonjolkan elemen politik kepartian atau subversif; dan
 - (f) Tidak menimbulkan permasalahan dan tidak menggugat ketenteraman dan keharmonian negara.
- (5) Penyediaan perancangan tahunan program secara umumnya PIBK hendaklah—
- (a) Memberi keutamaan kepada program yang telah diputuskan oleh Jawatankuasa dan dijalankan dalam Negeri Selangor;
 - (b) Merancang sekurang-kurangnya satu (1) program kerjasama dengan PIBK yang lain;
 - (c) Melaksanakan program dengan lebih terancang, sistematik, konsisten (*Istiqamah*), berkesan dan memberi nilai tambah yang baik kepada kumpulan sasaran.
- (6) Mana-mana PIBK digalakkan untuk bekerjasama atau turut serta dalam pelaksanaan sebarang program di bawah kluster lain selagi mana ia memberi manfaat kepada Islam;

Laporan Keberkesanan Program dan Laporan Kewangan

15. Setiap PIBK hendaklah menyediakan Laporan Keberkesanan Program dan Laporan Kewangan yang lengkap mengikut format yang ditetapkan dan diserahkan kepada Setiausaha Jawatankuasa atau Penyelaras Kluster atau pegawai yang ditetapkan oleh MAIS sebanyak dua (2) kali setahun iaitu pada:

- (a) 31 Januari bagi laporan program untuk tempoh Julai hingga Disember tahun sebelumnya; dan
- (b) 31 Julai bagi laporan program untuk tempoh Januari hingga Jun dalam tahun semasa.

BAHAGIAN VI

PENILAIAN KEBERKESANAN PROGRAM

Penilaian Pelaksanaan Program

16. (1) Jawatankuasa melalui Setiausaha Jawatankuasa atau Penyelaras Kluster atau pegawai yang ditetapkan oleh MAIS hendaklah menilai keberkesanan pelaksanaan program dan prestasi PIBK bagi menentukan ganjaran yang boleh diberikan oleh MAIS kepada PIBK.

(2) Ganjaran yang dinyatakan dalam subperenggan 16(1) boleh diberikan kepada mana-mana PIBK setelah Jawatankuasa berpuas hati bahawa PIBK itu—

- (a) telah melaksanakan peranan dan tanggungjawabnya di bawah garis panduan ini;
- (b) telah mencapai penilaian prestasi yang ditetapkan oleh Jawatankuasa; dan

(3) Jawatankuasa berhak menetapkan apa-apa bentuk, kadar dan kaedah pemberian ganjaran kepada PIBK.

Pemantauan Pertubuhan Islam Bukan Kerajaan

17. Setiausaha Jawatankuasa atau Penyelaras Kluster atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh MAIS boleh memantau PIBK dari aspek pengurusan, pelaksanaan program, rekod dokumentasi dan tempat operasi pada bila-bila masa yang munasabah.

BAHAGIAN V

PEMBATALAN, PENGGANTUNGAN DAN PENARIKAN BALIK PENYERTAAN PERTUBUHAN ISLAM BUKAN KERAJAAN

Pembatalan Penyertaan

18. (1) Jawatankuasa boleh membatalkan penyertaan sesuatu PIBK jika Jawatankuasa berpendapat bahawa—

- (a) PIBK itu telah melakukan apa-apa tindakan yang bercanggah dengan fatwa dan undang-undang yang berkuat kuasa;
- (b) PIBK itu tidak mematuhi Garis Panduan ini merangkumi;
 - i. Ingkar arahan Jawatankuasa; atau
 - ii. Tidak menghantar Perancangan Tahunan Program, Laporan keberkesanan program dan Laporan Kewangan menggunakan format yang ditetapkan dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh Jawatankuasa tiga (3) kali berturut-turut tanpa sebarang alasan yang munasabah; atau
 - iii. Tidak memberi komitmen dalam program yang dianjurkan oleh MAIS dan agensi-agensinya yang melaksanakan dasar-dasar MAIS; atau
 - iv. Tidak memberi kerjasama dalam melaksanakan dasar-dasar yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa; atau
 - v. Tidak turut serta dalam menangani isu-isu ancaman semasa yang melibatkan kepentingan Islam; atau
 - vi. Menggugat atau menjatuhkan reputasi dan nama baik MAIS atau agensi-agensinya yang melaksanakan dasar-dasar MAIS.
- (c) Adalah wajar untuk membatalkan penyertaan PIBK itu atas kepentingan umum atau kepentingan MAIS.

(2) Walau apa pun subperenggan 18(1), Jawatankuasa boleh, atas sebab yang munasabah, menggantung penyertaan PIBK mengikut apa-apa tempoh yang ditetapkan.

Penarikan Balik Penyertaan

19. PIBK boleh menarik balik penyertaannya pada bila-bila masa dengan memberi suatu notis bertulis kepada Setiausaha Jawatankuasa.

Kesan Pembatalan, Penggantungan dan Penarikan Balik Penyertaan

20. (1) Mana-mana PIBK yang dibatalkan, digantung atau menarik balik penyertaannya oleh Jawatankuasa tidak layak menerima sebarang ganjaran atau faedah di bawah garis panduan ini.

(2) Jika pembatalan disebabkan kegagalan PIBK mematuhi fatwa atau undang-undang yang berkuat kuasa, satu (1) laporan akan diberikan kepada mana-mana pihak berkuasa untuk pertimbangan tindakan selanjutnya.

(3) Dengan pembatalan, penggantungan atau penarikan balik penyertaan PIBK, MAIS berhak—

- (a) Memaklumkan secara bertulis kepada PIBK yang digantung, dibatalkan atau menarik balik penyertaannya; dan
- (b) Menamatkan dengan serta-merta segala kuasa dan hak yang diberikan oleh Jawatankuasa kepada PIBK.

BAHAGIAN VI

PELBAGAI

Rekod Pertubuhan Islam Bukan Kerajaan

21. Apa-apa maklumat PIBK termasuklah perkara yang berkaitan dengan perakuan, pindaan, pembatalan, penggantungan atau penarikan balik penyertaan PIBK hendaklah direkodkan, disenggara dan disimpan mengikut apa-apa tatacara yang ditetapkan oleh Jawatankuasa.

Pengecualian

22. (1) Jawatankuasa boleh jika difikirkan perlu, dalam keadaan-keadaan tertentu, memberikan apa-apa bantuan kepada mana-mana PIBK atau pertubuhan yang tidak disenaraikan sebagai PIBK tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan oleh Jawatankuasa.

(2) Mana-mana pertubuhan yang mempunyai alamat berdaftar di Kuala Lumpur sebelum 1 Februari 1974 layak dipertimbangkan oleh Jawatankuasa untuk menyertai PIBK.

Kemandirian

23. Garis Panduan ini tidak menyekat PIBK untuk bergerak sebagai sebuah pertubuhan sebagaimana yang dibenarkan oleh undang-undang yang menubuhkan pertubuhan tersebut.

Arahan Majlis

24. Walau apa pun Jawatankuasa boleh dari semasa ke semasa memberi arahan kepada mana-mana PIBK mengenai apa-apa perkara yang berkaitan dengan hal ehwal pengurusan PIBK dan PIBK itu hendaklah mematuhi arahan tersebut.

Pemansuhan

25. Dengan berkuat kuasanya garis panduan ini, maka Garis Panduan Pertubuhan Islam Bukan Kerajaan Negeri Selangor (MAIS) 2014/1435 yang telah dikuatkuasakan oleh MAIS pada 7 Julai 2014 adalah dimansuhkan.



PANDUAN PERMOHONAN PENYERTAAN PERTUBUHAN ISLAM BUKAN KERAJAAN DI BAWAH MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR (PIBK.MAIS)

A. Syarat-Syarat Penyertaan

Mana-mana pertubuhan yang memenuhi syarat-syarat berikut adalah layak untuk mengemukakan permohonan penyertaan Pertubuhan Islam Bukan Kerajaan di bawah Majlis Agama Islam Selangor (PIBK.MAIS):

- (1) Berdaftar dengan mana-mana Pendaftar yang diiktiraf atau mana-mana Badan Kerajaan yang diberi kuasa melalui undang-undang sekurang-kurangnya dua (2) tahun termasuklah pertubuhan yang berdaftar dengan—
 - a) Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia; atau
 - b) Pendaftar Pertubuhan Belia; atau
 - c) Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang Jabatan Perdana Menteri sebagai Lembaga Pemegang Amanah; atau
 - d) Mana-mana pertubuhan yang melaksanakan fungsi sebagai pusat jagaan atau rumah kebajikan atau rumah perlindungan hendaklah berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat.

- (2) Mempunyai alamat berdaftar di Negeri Selangor mengikut kategori yang berikut:

Kategori	Layak Mohon
i. Pertubuhan induk di Negeri Selangor dan <u>tidak mempunyai cawangan</u> yang lain di Negeri Selangor	Tunggal
ii. Pertubuhan induk di Negeri Selangor dan <u>mempunyai lebih daripada satu cawangan</u> di Negeri Selangor	Induk sahaja
iii. Pertubuhan induk di luar Negeri Selangor dan <u>mempunyai hanya satu cawangan</u> di Negeri Selangor	Cawangan sahaja



**PANDUAN PERMOHONAN
PENYERTAAN PERTUBUHAN ISLAM BUKAN KERAJAAN
DI BAWAH MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR (PIBK.MAIS)**

Kategori	Layak Mohon
iv. Pertubuhan induk di luar Negeri Selangor dan <u>mempunyai lebih daripada satu cawangan</u> di Negeri Selangor	Cawangan yang mendapat kebenaran dan disokong dari induk sahaja

- (3) Melaksanakan program di Negeri Selangor selaras dengan bidang-bidang keutamaan yang ditetapkan oleh Jawatankuasa.
- (4) Matlamat, objektif dan program pertubuhan itu hendaklah selari dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jama'ah dan dasar MAIS.
- (5) Pemegang Jawatan Utama Pertubuhan hendaklah warganegara Malaysia dan beragama Islam;
- (6) Pertubuhan hendaklah mempunyai ahli berdaftar sekurang-kurangnya tiga puluh (30) orang termasuk Pemegang Jawatan Utama pertubuhan;
- (7) Bukan pertubuhan bagi tujuan kebajikan kekeluargaan tertentu;
- (8) Bukan pertubuhan yang ditubuhkan di bawah Akta Pendidikan 1996 [Akta 550];
- (9) Bukan pertubuhan yang ditubuhkan bagi maksud menubuhkan sekolah Islam di bawah Enakmen Pengawalan Sekolah Islam (Negeri Selangor) 1988;
- (10) Pertubuhan tidak berorientasikan keuntungan;
- (11) Pertubuhan hendaklah membuka dan mengendalikan akaun berdasarkan perbankan Islam di mana-mana bank atas nama pertubuhan itu;
- (12) *Bukan parti politik; dan



PANDUAN PERMOHONAN PENYERTAAN PERTUBUHAN ISLAM BUKAN KERAJAAN DI BAWAH MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR (PIBK.MAIS)

- (13) Pertubuhan tidak terlibat dengan kegiatan politik kepartian

**Pertubuhan tidak boleh menyatakan sokongan kepada mana-mana parti politik. Jika terdapat agenda mana-mana parti politik yang memberi manfaat kepada agama dan umat Islam, pertubuhan boleh menyatakan sokongan kepada agenda berkenaan tanpa menyatakan sokongan kepada parti politik yang berkaitan.*

B. Tatacara Permohonan Penyertaan

- (1) Pertubuhan hendaklah mengisi borang permohonan yang ditetapkan oleh MAIS.
- (2) Permohonan hendaklah dikemukakan kepada Setiausaha Jawatankuasa Pertubuhan Islam Bukan Kerajaan MAIS.
- (3) Pertubuhan perlu menyatakan butiran yang jelas berkaitan tujuan membuat permohonan untuk menyertai PIBK.MAIS.
- (4) Pertubuhan hendaklah menyediakan dokumen-dokumen sokongan seperti berikut:
 - a) Salinan ketetapan pertubuhan yang menyatakan persetujuan dan tujuan permohonan penyertaan PIBK.MAIS mengikut apa-apa kaedah yang ditetapkan dalam instrumen penubuhan pertubuhan itu termasuklah minit mesyuarat, resolusi atau lain-lain ketetapan bertulis yang telah disahkan oleh ahli-ahli mesyuarat pertubuhan;
 - b) Profil pertubuhan yang mengandungi perkara-perkara berikut:
 - i. Salinan sijil pendaftaran pertubuhan yang disahkan oleh agensi yang mendaftarkan pertubuhan itu;
 - ii. Nama, logo, alamat operasi dan alamat surat-menyurat pertubuhan;
 - iii. Latar belakang, matlamat, visi, misi dan objektif pertubuhan;
 - iv. Jenis kepakaran pertubuhan;



PANDUAN PERMOHONAN PENYERTAAN PERTUBUHAN ISLAM BUKAN KERAJAAN DI BAWAH MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR (PIBK.MAIS)

- v. Carta organisasi pertubuhan (berserta gambar Ahli Jawatankuasa);
 - vi. Biodata ringkas Ahli Jawatankuasa pertubuhan;
 - vii. Senarai nama dan jumlah ahli pertubuhan;
 - viii. Senarai nama, jumlah dan bidang kemahiran sukarelawan;
 - ix. Maklumat berhubung (senarai) program utama dan pengkhususan program pertubuhan;
 - x. Laporan program pertubuhan berserta gambar berwarna sepanjang tempoh dua tahun mengikut format yang ditetapkan;
 - xi. Senarai kumpulan sasaran program pertubuhan
 - xii. Salinan dasar & peraturan yang disahkan; (Perlembagaan/ Surat Ikatan Amanah/ Memorandum)
 - xiii. Penyata akaun perbankan Islam pertubuhan; dan
 - xiv. Tiga salinan gambar berwarna berkaitan premis pertubuhan;
- c) Setelah menerima sesuatu permohonan, mana-mana pegawai yang ditetapkan oleh MAIS boleh membuat siasatan bagi memastikan kesahan maklumat yang diberikan dalam permohonan itu. Tiap-tiap siasatan hendaklah dijalankan secara dan setakat yang difikirkan wajar oleh MAIS.
- d) Jawatankuasa berhak untuk tidak meluluskan permohonan untuk menyertai PIBK oleh mana-mana pertubuhan yang memberikan maklumat palsu dalam permohonan atau enggan memberikan kerjasama dalam siasatan yang dijalankan.
- e) Jawatankuasa boleh meluluskan permohonan mana-mana pertubuhan untuk menyertai PIBK setelah berpuas hati bahawa pertubuhan itu telah memenuhi syarat-syarat seperti dalam Garis Panduan dan lain-lain ketetapan yang ditetapkan oleh Jawatankuasa.
- f) Jawatankuasa mempunyai budi bicara untuk menentukan tempoh penyertaan mana-mana pertubuhan dalam PIBK.
- g) Apa-apa keputusan Jawatankuasa berhubung dengan permohonan menyertai PIBK adalah muktamad.



PANDUAN PERMOHONAN PENYERTAAN PERTUBUHAN ISLAM BUKAN KERAJAAN DI BAWAH MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR (PIBK.MAIS)

C. Perakuan Penyertaan

Setiausaha Jawatankuasa hendaklah mengeluarkan satu perakuan penyertaan PIBK bagi setiap permohonan yang diluluskan oleh Jawatankuasa

D. Pemakluman Pindaan Dasar atau Perlembagaan

- (1) PIBK hendaklah memaklumkan secara bertulis kepada Setiausaha Jawatankuasa dalam tempoh masa 14 hari bekerja, butiran pindaan pertubuhan, keanggotaan, struktur organisasi dan alamat PIBK yang telah diluluskan oleh agensi pendaftaran dengan mengemukakan butiran pindaan terkini yang telah disahkan oleh agensi pendaftaran.
- (2) Setiausaha Jawatankuasa boleh merekodkan pindaan atau mengeluarkan perakuan pindaan yang berkaitan kepada PIBK itu, jika berpuas hati dengan butiran pindaan yang dikemukakan oleh mana-mana PIBK.



PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB PERTUBUHAN ISLAM BUKAN KERAJAAN DI BAWAH MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR (PIBK.MAIS)

A. PIBK hendaklah menjalankan peranan yang berikut:-

- (1) Membantu MAIS dan agensi-agensi yang melaksanakan dasar-dasar MAIS dalam menjalankan kewajibannya di bawah subseksyen 7(1) Enakmen;
- (2) Menjaga, mempertahankan dan memartabatkan kesucian agama Islam;
- (3) Mengutamakan kepentingan Islam berdasarkan Maqasid Syariah;
- (4) Membangunkan masyarakat Islam yang sejahtera berpandukan pegangan Ahli Sunnah Wal Jama'ah;
- (5) Menangani isu-isu semasa yang melibatkan isu ancaman akidah dan isu ancaman sosial umat Islam secara lebih proaktif dan bersepadu;
- (6) Membina jaringan kerjasama yang baik, saling hormat menghormati dan bantu membantu di antara satu sama lain;
- (7) Mengusahakan, memperbaiki, mengukuhkan silaturahim dan ukhuwah Islamiah dengan mengelakkan perpecahan dan perbalahan.

B. Tanggungjawab PIBK kepada MAIS adalah seperti berikut:-

- (1) Mematuhi semua undang-undang, fatwa, Garis Panduan, apa-apa arahan atau perintah MAIS dan Jawatankuasa;
- (2) Mengenali, mengetahui dan memahami fungsi Jawatankuasa, peranan MAIS dan agensi-agensi yang melaksanakan dasar-dasar MAIS;
- (3) Memberi kerjasama kepada Penyelaras Kluster yang dilantik oleh Jawatankuasa;
- (4) Melaksanakan program yang selaras dengan fokus dan bidang keutamaan yang ditetapkan oleh Jawatankuasa;
- (5) Mengutamakan pelaksanaan program yang telah diputuskan oleh Jawatankuasa;
- (6) Memberi komitmen kepada program yang dianjurkan oleh MAIS dan agensi-agensi yang melaksanakan dasar-dasar MAIS;



**PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB
PERTUBUHAN ISLAM BUKAN KERAJAAN
DI BAWAH MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR (PIBK.MAIS)**

- (7) Memaklumkan secara bertulis dengan kadar segera yang munasabah kepada Setiausaha Jawatankuasa sekiranya pertubuhan telah dibatalkan oleh agensi pendaftaran yang berkenaan;
- (8) Memberikan kerjasama kepada MAIS atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh MAIS bagi tujuan pelaksanaan garis panduan ini dan undang-undang yang berkuat kuasa;
- (9) Memastikan mana-mana orang yang dijemput untuk mengajar agama Islam dalam program yang dilaksanakan mempunyai tauliah daripada MAIS. Perkataan “mengajar” mempunyai erti yang sama seperti dalam Peraturan-Peraturan Tauliah (Negeri Selangor) 2008 (Pindaan) 2013;
- (10) Berdikari dan tidak mengharapkan semata-mata bantuan daripada MAIS.

C. PIBK hendaklah tertakluk kepada program pembangunan yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa.

Program Pembangunan PIBK adalah sebarang bentuk program yang dirancang dan dilaksanakan oleh MAIS atau agensi-agensi agama yang menjalankan dasar-dasar MAIS seperti yang ditetapkan oleh Jawatankuasa.



PANDUAN PEMBATALAN, PENGGANTUNGAN DAN PENARIKAN BALIK PENYERTAAN PERTUBUHAN ISLAM BUKAN KERAJAAN DI BAWAH MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR (PIBK.MAIS)

A. Pembatalan Penyertaan

- (1) Jawatankuasa boleh membatalkan penyertaan sesuatu PIBK jika Jawatankuasa berpendapat bahawa—
 - a) PIBK itu telah melakukan apa-apa tindakan yang bercanggah dengan fatwa dan undang-undang yang berkuat kuasa;
 - b) PIBK itu tidak mematuhi Garis Panduan ini merangkumi;
 - i. Ingkar arahan Jawatankuasa; atau
 - ii. Tidak menghantar Perancangan Tahunan Program, Laporan keberkesanan program dan Laporan Kewangan menggunakan format yang ditetapkan dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh Jawatankuasa tiga (3) kali berturut-turut tanpa sebarang alasan yang munasabah; atau
 - iii. Tidak memberi komitmen dalam program yang dianjurkan oleh MAIS dan agensi-agensi yang melaksanakan dasar-dasar MAIS; atau
 - iv. Tidak memberi kerjasama dalam melaksanakan dasar-dasar yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa; atau
 - v. Tidak turut serta dalam menangani isu-isu ancaman semasa yang melibatkan kepentingan Islam; atau
 - vi. Menggugat atau menjatuhkan reputasi dan nama baik MAIS atau agensi-agensi yang melaksanakan dasar-dasar MAIS.
 - c) Adalah wajar untuk membatalkan penyertaan PIBK itu atas kepentingan umum atau kepentingan MAIS.
- (2) Walau apa pun, Jawatankuasa boleh, atas sebab yang munasabah, menggantung penyertaan PIBK mengikut apa-apa tempoh yang ditetapkan.



PANDUAN PEMBATALAN, PENGGANTUNGAN DAN PENARIKAN BALIK PENYERTAAN PERTUBUHAN ISLAM BUKAN KERAJAAN DI BAWAH MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR (PIBK.MAIS)

B. Penarikan Balik Penyertaan

PIBK boleh menarik balik penyertaannya pada bila-bila masa dengan memberi suatu notis bertulis kepada Setiausaha Jawatankuasa.

C. Kesan Pembatalan, Penggantungan dan Penarikan Balik Penyertaan

- (1) Mana-mana PIBK yang dibatalkan, digantung atau menarik balik penyertaannya oleh Jawatankuasa tidak layak menerima sebarang ganjaran atau faedah di bawah garis panduan ini.
- (2) Jika pembatalan disebabkan kegagalan PIBK mematuhi fatwa atau undang-undang yang berkuat kuasa, satu (1) laporan akan diberikan kepada mana-mana pihak berkuasa untuk pertimbangan tindakan selanjutnya.
- (3) Dengan pembatalan, penggantungan atau penarikan balik penyertaan PIBK, MAIS berhak—
 - i. Memaklumkan secara bertulis kepada PIBK yang digantung, dibatalkan atau menarik balik penyertaannya; dan
 - ii. Menamatkan dengan serta-merta segala kuasa dan hak yang diberikan oleh Jawatankuasa kepada PIBK.



SENARAI SEMAK:
PERMOHONAN PENYERTAAN PIBK.MAIS

BIL.	PERKARA	TANDAKAN <input checked="" type="checkbox"/>
1.	Pertubuhan telah berdaftar dengan agensi pendaftaran sekurang-kurangnya dua tahun	<input type="checkbox"/>
2.	Pertubuhan masih disahkan berdaftar oleh agensi pendaftaran	<input type="checkbox"/>
3.	Pertubuhan mempunyai alamat berdaftar (tempat urusan atau surat-menyerurat) dalam Negeri Selangor	<input type="checkbox"/>
4.	Matlamat, objektif dan program pertubuhan hendaklah selari dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jama'ah dan dasar MAIS	<input type="checkbox"/>
5.	Pemegang jawatan utama pertubuhan hendaklah warganegara Malaysia dan beragama Islam	<input type="checkbox"/>
6.	Pertubuhan hendaklah mempunyai ahli berdaftar sekurang-kurangnya 30 orang termasuk pemegang jawatan utama pertubuhan	<input type="checkbox"/>
7.	Pertubuhan bukan parti politik	<input type="checkbox"/>
8.	Pertubuhan tidak terlibat dengan kegiatan politik kepartian	<input type="checkbox"/>
9.	Pertubuhan bukan yang ditubuhkan di bawah Akta Pendidikan 1996 [Akta 550]	<input type="checkbox"/>
10.	Pertubuhan bukan yang ditubuhkan bagi maksud menubuhkan sekolah Islam di bawah Enakmen Pengawalan Sekolah Islam (Negeri Selangor) 1988	<input type="checkbox"/>
11.	Pertubuhan bukan bagi tujuan kebajikan kekeluargaan tertentu	<input type="checkbox"/>
12.	Pertubuhan tidak berorientasikan keuntungan	<input type="checkbox"/>
13.	Pertubuhan hendaklah mengemukakan borang permohonan penyertaan Pertubuhan Islam Bukan Kerajaan di bawah Majlis Agama Islam Selangor (PIBK.MAIS) secara dalam talian (<i>online</i>)	<input type="checkbox"/>
14.	Dokumen sokongan permohonan: (Fail PDF / JPEG / PNG yang jelas dan terang)	
14.1	Satu salinan imbasan minit mesyuarat menjelaskan persetujuan AJK dan tujuan pertubuhan menyertai PIBK.MAIS yang telah disahkan	<input type="checkbox"/>
14.2	Satu salinan imbasan sijil Pendaftaran Pertubuhan yang disahkan oleh ROS / ROY / BHEUU / JKM (jika berkaitan)/ agensi pendaftaran lain	<input type="checkbox"/>
14.3	Satu salinan imbasan dasar & peraturan (Perlembagaan/ Surat Ikatan Amanah/ Memorandum) yang disahkan oleh ROS / ROY / BHEUU / JKM (jika berkaitan) / agensi pendaftaran lain	<input type="checkbox"/>



SENARAI SEMAK:
PERMOHONAN PENYERTAAN PIBK.MAIS

BIL.	PERKARA	TANDAKAN <input checked="" type="checkbox"/>
14.4	Satu gambar digital logo pertubuhan	<input type="checkbox"/>
14.5	Satu gambar digital ahli-ahli pertubuhan bersaiz pasport	<input type="checkbox"/>
14.6	Satu salinan imbasan penyata akaun perbankan Islam pertubuhan	<input type="checkbox"/>
14.7	Tiga gambar digital premis pertubuhan dari sudut yang berbeza	<input type="checkbox"/>
14.8	Satu salinan imbasan carta organisasi pertubuhan (berserta gambar ahli jawatankuasa)	<input type="checkbox"/>
14.9	Lain-lain dokumen untuk menyokong permohonan	<input type="checkbox"/>
15.	Senarai bidang / jenis kepakaran pertubuhan	<input type="checkbox"/>
16.	Senarai program utama dan pengkhususan program pertubuhan	<input type="checkbox"/>
17.	Laporan program pertubuhan berserta gambar berwarna sepanjang tempoh dua tahun mengikut format yang ditetapkan	<input type="checkbox"/>
18.	Senarai kumpulan sasaran program pertubuhan	<input type="checkbox"/>
19.	Jumlah keseluruhan, senarai nama dan bidang kemahiran sukarelawan	<input type="checkbox"/>
20.	Siasatan / temu duga AJK pertubuhan	<input type="checkbox"/>
21.	Pertimbangan permohonan oleh ahli mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Pertubuhan Islam Bukan Kerajaan (Jawatankuasa bersidang empat kali dalam tempoh satu tahun)	<input type="checkbox"/>

Petunjuk:-

Dokumen yang dimuat naik hendaklah jelas, terang, kemas dan teratur.

- ROS** : Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia
- ROY** : Pendaftar Pertubuhan Belia
- BHEUU** : Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang Jabatan Perdana Menteri sebagai Lembaga Pemegang Amanah
- JKM** : Jabatan Kebajikan Masyarakat
- *** : Format fail PDF
- **** : Format fail JPEG / PNG



PANDUAN PEMILIHAN KLUSTER PERTUBUHAN ISLAM BUKAN KERAJAAN DI BAWAH MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR (PIBK.MAIS)

1. Pertubuhan Islam Bukan Kerajaan atau akronimnya PIBK adalah mana-mana pertubuhan yang telah berdaftar di bawah mana-mana undang-undang di Malaysia dan diterima penyertaannya di bawah MAIS yang pada pendapat MAIS berupaya membantu MAIS dan agensi-agensi yang melaksanakan dasar-dasar MAIS menjalankan kewajipan di bawah subseksyen 7(1) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 (EPAINS 2003).

2. Seksyen 7(1) (EPAINS 2003) iaitu;
"Maka Hendaklah Menjadi Kewajipan Majlis Untuk Menggalakkan, Mendorong, Membantu Dan Mengusahakan Kemajuan Dan Kesejahteraan Ekonomi Dan Sosial Masyarakat Islam Di Dalam Negeri Selangor Selaras Dengan Hukum Syarak".

3. PIBK diwujudkan bagi tujuan membantu MAIS termasuk agensi-agensi yang melaksanakan dasar-dasar MAIS dalam menjaga, mempertahankan dan memartabatkan kesucian agama Islam secara bersepadu dari sebarang anasir ataupun ancaman yang boleh menggugat kedudukan Islam sama ada dalam bentuk ancaman akidah mahupun ancaman sosial kepada umat Islam serta membangunkan masyarakat yang sejahtera di Negeri Selangor.

4. Agensi-agensi yang melaksanakan dasar-dasar MAIS adalah seperti Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Jabatan Mufti Negeri Selangor (JMNS), Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (JAKESS), Jabatan Pendakwaan Syariah Selangor (JPSS), Lembaga Zakat Selangor, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Yayasan Islam Darul Ehsan (MAIS), Teraju Ekonomi Asnaf Sdn. Bhd dan Bakti Suci Holdings Sdn. Bhd.



PANDUAN PEMILIHAN KLUSTER PERTUBUHAN ISLAM BUKAN KERAJAAN DI BAWAH MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR (PIBK.MAIS)

5. Jawatankuasa Pembangunan Pertubuhan Islam Bukan Kerajaan adalah sebuah jawatankuasa yang diwujudkan oleh MAIS di bawah peruntukan seksyen 27 (EPAINS 2003) untuk membantu dalam menunaikan kewajipan MAIS di bawah seksyen 7(1) (EPAINS 2003). Jawatankuasa ini bertanggungjawab melaksanakan fungsinya yang ditetapkan oleh MAIS.
6. PIBK yang diterima bernaung di MAIS dibahagikan kepada kluster-kluster yang ditetapkan oleh Jawatankuasa. Pembahagian kluster ini bertujuan untuk memastikan kesinambungan pelaksanaan program yang lebih terancang, sistematik, konsisten, berkesan dan memberi tambah nilai yang baik kepada kumpulan sasaran. Seterusnya kumpulan sasaran tersebut berupaya untuk menjadi ejen perubahan yang positif kepada kumpulannya.
7. Kluster atau singkatannya KP ialah gabungan dua (2) atau lebih PIBK mengikut kategori-kategori yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa berdasarkan kriteria seperti objektif pertubuhan, keupayaan, kumpulan sasaran, jenis program yang dilaksanakan dan apa-apa perkara yang difikirkan sesuai oleh Jawatankuasa bagi memudahkan pemantauan dan penilaian prestasi.
8. Penyelaras Kluster adalah mana-mana pegawai yang dilantik oleh Jawatankuasa Pembangunan Pertubuhan Islam Bukan Kerajaan untuk mengetuai mana-mana kluster PIBK bagi melaksanakan fungsi dan tanggungjawab seperti berikut:-
 - a. Fungsi:-

Menyelaras pelaksanaan program PIBK di Negeri Selangor supaya seiring dengan visi dan misi MAIS serta agensi-agensinya yang melaksanakan dasar-dasar MAIS.



PANDUAN PEMILIHAN KLUSTER PERTUBUHAN ISLAM BUKAN KERAJAAN DI BAWAH MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR (PIBK.MAIS)

- b. Tanggungjawab
Memperkasa PIBK, memantau, membuat penilaian prestasi dan melaporkan keberkesanan program yang dilaksanakan oleh PIBK kepada Jawatankuasa Pembangunan Pertubuhan Islam Bukan Kerajaan dari semasa ke semasa.
9. Peranan Penyelaras Kluster adalah seperti berikut:-
- a. Membangunkan PIBK yang komited, cakna dan terkehadapan dalam menangani isu-isu semasa yang melibatkan isu ancaman akidah dan isu ancaman sosial umat Islam secara lebih proaktif dan bersepadu.
 - b. Memperkukuhkan hubungan baik antara PIBK dan agensi agensi-agensi yang melaksanakan dasar-dasar MAIS.
 - c. Menyatupadukan PIBK dalam kepelbagaian latar belakang dan matlamat.
 - d. Menjelaskan visi, misi, matlamat dan objektif agensi-agensi yang melaksanakan dasar-dasar MAIS.
 - e. Menetapkan hala tuju PIBK dalam membantu MAIS dan agensi-agensi yang melaksanakan dasar-dasar MAIS.
 - f. Membangunkan keberkesanan program PIBK kepada kumpulan sasaran.
 - g. Melahirkan tenaga sukarelawan PIBK yang komited, cakna dan terkehadapan.
 - h. Mengadakan perbincangan atau mesyuarat atau sesi dialog bersama PIBK di bawah seliaannya sekurang-kurangnya empat (4) kali setahun atau mengikut keperluan semasa.



**PANDUAN PEMILIHAN KLUSTER
PERTUBUHAN ISLAM BUKAN KERAJAAN
DI BAWAH MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR (PIBK.MAIS)**

10. Jawatankuasa Pembangunan Pertubuhan Islam Bukan Kerajaan atas syor Penyelaras Kluster boleh menamakan mana-mana PIBK di bawah seliaan Penyelaras Kluster sebagai pemudah cara kepada pelaksanaan program dalam kluster PIBK.
11. Pemudah cara merupakan Ketua KP yang bertanggungjawab membantu Penyelaras KS dalam melaksanakan peranannya yang telah ditetapkan.
12. Ketua KP hendaklah menghimpunkan PIBK dalam klusternya untuk mengambil apa-apa tindakan yang perlu dengan kadar segera bagi menangani isu-isu semasa yang timbul sama ada melibatkan isu ancaman akidah atau isu ancaman sosial umat Islam yang berkaitan dengan klusternya dan PIBK di bawah kluster lain perlu turut serta memberi sokongan padu.
13. PIBK hendaklah memberi fokus kepada pelaksanaan program di bawah kluster yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa.
14. PIBK hendaklah mengadakan perbincangan bersama Penyelaras Kluster dari semasa ke semasa bagi memastikan program yang dilaksanakan memenuhi kehendak dan keperluan kluster yang berkenaan. Namun demikian, tiada halangan kepada mana-mana PIBK untuk bekerjasama atau turut serta dalam pelaksanaan program di bawah kluster lain.



**PANDUAN PEMILIHAN KLUSTER
PERTUBUHAN ISLAM BUKAN KERAJAAN
DI BAWAH MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR (PIBK.MAIS)**

15. Pertubuhan hendaklah memilih satu (1) kluster sahaja daripada sepuluh (10) kluster yang tersenarai seperti berikut:-

15.1 Kluster Dakwah & Islah singkatan (KP1)

Fokus Kluster	Menjelaskan keindahan ajaran Islam kepada yang Belum Islam dan menambah baik penghayatan Islam kepada Muslim
Penyelaras Kluster	Ketua Penolong Pengarah Bahagian Dakwah Jabatan Agama Islam Selangor

15.2 Kluster Pemantapan Akidah singkatan (KP2)

Fokus Kluster	Memantapkan pegangan akidah Islamiah masyarakat Islam berlandaskan fahaman Ahli Sunnah Wal Jamaah
Penyelaras Kluster	Ketua Penolong Pengarah Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan Jabatan Agama Islam Selangor

15.3 Kluster Pemerksaan Halalan Toyyiban singkatan (KP3)

Fokus Kluster	Mewujudkan kesedaran dan memahami kepentingan Halalan Toyyiban kepada semua lapisan masyarakat
Penyelaras Kluster	Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pengurusan Halal Jabatan Agama Islam Selangor



**PANDUAN PEMILIHAN KLUSTER
PERTUBUHAN ISLAM BUKAN KERAJAAN
DI BAWAH MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR (PIBK.MAIS)**

15.4 Kluster Pendidikan Islam singkatan (KP4)

Fokus Kluster	Membangunkan masyarakat Islam melalui pendidikan rohani dan jasmani yang seimbang
Penyelaras Kluster	Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pendidikan Islam Jabatan Agama Islam Selangor

15.5 Kluster Pembangunan Muallaf singkatan (KP5)

Fokus Kluster	Membangunkan keupayaan spiritual, mental dan modal insan Muallaf Selangor
Penyelaras Kluster	Ketua Divisyen Pembangunan Asnaf Lembaga Zakat Selangor

15.6 Kluster Pemulihan Al-Riqab singkatan (KP6)

Fokus Kluster	Membimbing dan memulihkan asnaf al-Riqab yang terbelenggu dengan masalah akidah serta sosial untuk kembali kepada ajaran Islam
Penyelaras Kluster	Pengurus Bahagian Pemulihan Al-Riqab Majlis Agama Islam Selangor

15.7 Kluster Kebajikan Fakir Dan Miskin singkatan (KP7)

Fokus Kluster	Menjalankan usaha kebajikan kepada golongan susah dan memerlukan bantuan keperluan hidup
Penyelaras Kluster	Ketua Divisyen Operasi Agihan Asnaf Lembaga Zakat Selangor



**PANDUAN PEMILIHAN KLUSTER
PERTUBUHAN ISLAM BUKAN KERAJAAN
DI BAWAH MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR (PIBK.MAIS)**

15.8 Kluster Kebajikan Anak Yatim singkatan (KP8)

Fokus Kluster	Menjalankan usaha kebajikan kepada golongan anak yatim
Penyelaras Kluster	Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Islam Darul Ehsan

15.9 Kluster Pembangunan Kekeluargaan Islam singkatan (KP9)

Fokus Kluster	Membina dan mengukuhkan institusi kekeluargaan yang menepati syariat Islam
Penyelaras Kluster	Ketua Penolong Pengarah Bahagian Undang-Undang Keluarga Jabatan Agama Islam Selangor

15.10 Kluster Amar Makruf Nahi Mungkar singkatan (KP10)

Fokus Kluster	Mewujudkan kesedaran dan menasihati anggota masyarakat untuk menjauhi kemungkaran serta maksiat
Penyelaras Kluster	Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pengurusan Penguatkuasaan Jabatan Agama Islam Selangor